



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 OGOS 2022 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL-EMWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

26 OGOS 2022 (JUMAAT)



4,608 kes tipu dalam talian direkodkan

Aduan diterima KPDNHEP Selangor dalam tempoh tujuh bulan pertama

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY SHAH ALAM

Sebanyak 4,608 aduan mengenai penipuan dalam talian diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal negeri, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, kategori aduan tertinggi diterima adalah mengenai transaksi dalam talian iaitu sebanyak 1,156 aduan.

"Kalau dilihat daripada graf aduan diterima oleh KPDNHEP Negeri Selangor dari 1 Januari 2022 hingga 31 Julai 2022, jumlah aduan diterima ialah 4,608 aduan dan kategori aduan tertinggi ialah berkenaan transaksi dalam talian iaitu sebanyak 1,156 aduan.

"Jadi dengan jumlah yang ada ini saya percaya ada banyak lagi yang tidak mengadu," katanya selepas merasmikan Forum



Mohd Zawawi (empat kiri) merasmikan Forum Kesedaran Penipuan Dalam Talian dan Pelancaran Aplikasi Whoscall di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Khamis.

Kesedaran Penipuan Dalam Talian dan Pelancaran Aplikasi Whoscall di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Mohd Zawawi memuji usaha dilakukan syarikat atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu masyarakat daripada menjadi mangsa penipuan dengan peng-anjuran forum dan pelancaran aplikasi baharu seperti itu.

Menurutnya, penglibatan banyak pihak dalam menangani

penipuan dalam talian di negeri Selangor sekali gus dapat mengurangkan jumlah kejadian jenayah dan penipuan melalui media sosial daripada terus berlaku.

"Kerajaan negeri akan membantu pihak Whoscall dalam mempromosi dan mengadakan kempen kesedaran melalui seminar dan wacana seperti ini supaya lebih ramai lagi pengguna menggunakan aplikasi supaya kita dapat mencegah lebih banyak penipuan," katanya.

Sindiket sorok minyak masak dalam hutan

Kota Bharu: Sindiket penyeludupan minyak masak peket satu kilogram bersubsidi menyembunyikan minyak berkenaan di dalam hutan terlebih dahulu sebelum diambil orang suruhan sindiket pada masa yang ditentukan dan dibawa ke lokasi penyeludupan.

Kegiatan itu terdedah hasil penahanan seorang lelaki berusia 36 tahun oleh Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan di Kedai Mulong di sini, jam 10.30 pagi kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasanya, Aswadi Jaafar berkata, suspek ditahan pada Operasi Membanteras Ketirisan Barang Kawalan hasil

risikan dijalankan.

"Hasil soal siasat, suspek mengaku diupah individu tertentu untuk membawa minyak masak berkenaan.

"Minyak masak itu pula diperoleh di beberapa premis sekitar Terengganu sebelum disorok di dalam hutan. Suspek kemudian diarahkan mengambil komoditi itu untuk dibawa ke lokasi pertemuan," katanya pada kenyataan, semalam.

Terdahulu, menurut Aswadi, pihaknya menahan suspek yang sanggup memandu Proton Iswara Aeroback dari Jerneh, Terengganu dengan membawa 595 kilog-

ram (kg) minyak masak paket satu kg bersubsidi semata-mata untuk diseludup di pangkalan haram di Pengkalan Kubor, Tumpat.

Bagaimanapun, usaha suspek gagal apabila ditahan pada jam 10.30 pagi.

"Sebelum ditahan, kami mengekori kereta terbabit yang dipandu dalam keadaan mencurigakan dari Nilam Puri menghala ke Kedai Mulong.

"Sebaik ditahan, kami melakukan pemeriksaan dan menemui minyak masak bersubsidi itu di dalam kotak yang ditutup dengan kain di tempat duduk pe-

numpang belakang serta büt kereta terbabit.

"Suspek juga gagal mengemukakan dokumen berkaitan pemilikan barang kawalan itu," katanya.

Minyak masak bernilai RM1,487.50 itu dirampas untuk siasatan lanjut.

Aswadi berkata, hasil soal-siasat, suspek mengaku diupah individu tertentu untuk membawa minyak masak berkenaan.

"Menurut suspek, dia juga dalam perjalanan menjemput seorang individu untuk dibawa ke sebuah pangkalan haram di Pengkalan Kubor bagi diseludup menerusi Sungai Golok.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Minyak masak bernilai RM1,487.50 dirampas penguat kuasa KPDNHEP



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Kelantan menunjukkan kotak mengandungi minyak masak peker satu kilogram yang dirampas di Kedai Mulong, Kota Bharu.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM8.19	• Telur Gred A	RM13.05	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM12
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29	• Ikan Kembung	RM15.80	• Bawang Besar Holland	RM3.89	• Kubis Tempatan	RM4.50
• Daging Lembu Import	RM53.90	• Minyak Masak	RM7.40	• Bawang Putih	RM4.90	• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP